



YB. SOON LIP CHEE
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT SOON LIP CHEE,
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG
PADA 6 JULAI 2021**

**SOP AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI PULAU PINANG SEPANJANG
TEMPOH FASA 2 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

Mengambil kira Negeri Pulau Pinang akan beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 07 Julai 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik perkara tersebut serta memutuskan bahawa aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

SOP aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Pulau Pinang dalam tempoh Fasa 2 PPN adalah seperti berikut:

**AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG DIBENARKAN DI NEGERI PULAU PINANG
DALAM TEMPOH FASA 2 PPN:**

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu yang tidak bersentuhan fizikal bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter dan dilakukan di kawasan terbuka (outdoor) separa terbuka dalam lingkungan 10km dari kediaman bermula jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam.
2. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan adalah seperti jogging, senaman, taichi, berbasikal, skate boarding, memancing, ekuestrian, memanah, mendaki, tenis (single), golf, permotoran dan seumpamanya.
3. Penganjuran kejohanan dan pertandingan secara kuarantin dan tertutup **TANPA** kehadiran penonton / penyokong mengikut Model Gelembung Sukan **TERHAD** kepada anjuran KBS, Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League) dan Kejohanan Petronas Crub Prix sahaja.
4. Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep Camp Based Training.

5. Program latihan berpusat termasuk perlawanan latihan secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam Malaysian Football League (MFL) menggunakan Model Gelembung Sukan (Camp Based Training).
6. Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara TERTAKLUK kepada kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) **DENGAN** sokongan KBS / MKN.

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG **DILARANG** DI NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH FASA 2 PPN:

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan di kawasan tertutup (indoor).
2. Semua aktiviti sukan dan rekreasi air **KECUALI** memancing.
3. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan secara berkumpulan atau melibatkan sentuhan fizikal.
4. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa **KECUALI** mendapat kebenaran PDRM.
5. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan **KECUALI** anjuran KBS, Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League) dan Kejuaaran Petronas Cup Prix sahaja.
6. Kehadiran penonton atau penyokong ke venue sukan dan rekreasi.
7. Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara **TANPA** kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sokongan KBS / MSN.

PENGOPERASIAN FASILITI SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH FASA 2 PPN:

1. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (outdoor) termasuk separa terbuka dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan / kawasan. Manakala, pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (outdoor) dan separa terbuka awam adalah TERTAKLUK kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi SELAIN daripada fasiliti terbuka (outdoor) dan separa terbuka adalah TERHAD bagi tujuan pengurusan perlu (kewangan, penyelenggaraan dan seumpamanya) sahaja dengan pematuhan tidak melebihi 30% kapasiti tenaga kerja.
3. Bagi fasiliti atau premis sukan dan rekreasi yang beroperasi bagi tujuan pengurusan perlu (kewangan dan penyelenggaraan), operator tidak boleh menerima kehadiran pelanggan / pengguna. Kehadiran pekerja hanya TERHAD bagi pengurusan perlu (kewangan dan penyelenggaraan) sahaja.

4. Operasi fasiliti atau premis sukan dan rekreasi perlu berdaftar melalui sistem notification.miti.gov.my (bagi premis / fasiliti komersial seperti yang tertera di dalam sistem).
5. Pastikan operasi premis / tempat latihan / tempat pertandingan adalah secara penjadualan, tempahan dan mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi dan mematuhi waktu operasi yang ditetapkan.

STATUS KEMUDAHAN SUKAN DI NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH FASA 2 PPN:

<u>Agensi</u>	<u>Kemudahan Sukan</u>	<u>Masa Pengoperasian</u>
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	Taman Jajar – Gelanggang Tenis dan Ruang Terbuka Ping Pong sahaja	7.00 pagi – 7.00 malam
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Bertam, Kepala Batas – Joging Trek dan Gelanggang Tenis sahaja	7.00 pagi – 7.00 malam
	Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Jalan Betek, Bukit Mertajam – Joging Trek sahaja	7.00 pagi – 7.00 malam
Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP)	Kompleks Sukan Sony – Gelanggang Tenis sahaja	7.00 pagi – 7.00 malam

Adalah dimaklumkan bahawa selain daripada kemudahan sukan yang disenaraikan di atas, kemudahan sukan yang lain di bawah seliaan PBT serta PSDKLPP seperti Dewan / Balai Rakyat, Kompleks Sukan Bandaraya Relau dan Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan adalah **DITUTUP** sepanjang tempoh Fasa 2 PPN.

STATUS TAMAN-TAMAN AWAM DI NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH FASA 2 PPN:

Sebahagian taman-taman awam dan rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang adalah **DIBUKA** untuk masyarakat tempatan menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang **DIBENARKAN** sahaja (seperti disenaraikan). Untuk aktiviti **mendaki** hanya boleh dijalankan **DENGAN** secara individu, mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter, dalam lingkungan 10 km dari kediaman serta tidak merentas daerah.

Senarai taman-taman awam dan rekreasi di bawah seliaan PBT dan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang yang **DIBUKA** adalah seperti berikut:

<u>Agensi</u>	<u>Taman Awam</u>	<u>Masa Pembukaan</u>	<u>Bilangan Pengunjung Pada Satu-Satu Masa</u>
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	Taman Bandaraya (Youth Park)	7.00 pagi – 7.00 malam	200 orang
	Taman Metropolitan Relau		100 orang
	Taman Jajar		50 orang
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Taman Tugu Kota Demokrasi	7.00 pagi – 7.00 malam	-
	Robina Eco Park		
	Taman Rekreasi Taman Tunku		
	Taman Rekreasi Awam Sembilang		
	Taman Kimsar, Perai		
	Upcycle Park, Bandar Perda		
	Taman Tekoma, Bandar Perda		
	Taman Komuniti, Bandar Perda		
	Eko Koridor MBSP, Bandar Perda		
	Taman 1 Bayi 1 Pokok, Bandar Perda		
	Taman Bukit Indah, Bukit Mertajam		
	Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO		
	Taman Kejiranan Awam Valdor		
Taman Rekreasi Kg Sanglang			
Jabatan Taman Botani Pulau Pinang	Taman Botani	7.00 pagi – 7.00 malam	200 orang

Adalah dimaklumkan bahawa selain daripada taman-taman yang disenaraikan di atas, taman-taman awam dan rekreasi di kawasan kejiranan yang di bawah seliaan MBPP adalah **DIBUKA** kepada masyarakat tempatan untuk menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang **DIBENARKAN** dengan pematuhan SOP yang ditetapkan sepanjang tempoh Fasa 2 PPN.

Manakala, taman-taman awam dan rekreasi di bawah seliaan MBSP selain daripada yang disenaraikan di atas adalah kekal **DITUTUP** sepanjang tempoh Fasa 2 PPN. Taman-taman awam dan rekreasi tersebut merangkumi Vision Park, Anjung Bagan, Taman Pantai, Taman Bandar Ampang Jajar dan Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian.

Untuk makluman, empangan dan taman-taman seperti Empangan Teluk Bahang, Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam, dan Taman Rekreasi Bukit Dumbar di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) masih kekal **DITUTUP** sehingga pengumuman lanjut yang akan dibuat.

Walaupun bagaimanapun pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mematuhi pengumuman berkenaan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dibuat oleh pihak MKN dan KBS dari semasa ke semasa agar masyarakat awam dapat bersukan dalam keadaan yang selamat.

Meskipun negeri Pulau Pinang akan beralih ke Fasa 2 PPN mulai 7 Julai 2021 dan kelonggaran telah diberikan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi, namun pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyeru rakyat negeri Pulau Pinang dapat kerjasama dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KBS bagi membantu memutuskan rantaian penularan pandemik Covid-19 ini.

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG